Jabatan Bendahari
Bursary

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T : 04-653 3131 / 04-653 4288
F : 04-658 8205
E : bursar@usm.my
L : bursary.usm.my / www.usm.my

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.2/2022

Tarikh : 28 Februari 2022

Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan/
Pusat Perkhidmatan/Jabatan

Semua Warga Kampus
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2022**
**PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN TAHUN 2021 SECARA DALAM TALIAN (iEC) DAN RESIT PENGECUALIAN CUKAI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Menurut peruntukan Subseksyen 83(1A), Akta Cukai Pendapatan 1967, setiap majikan perlu menyediakan Penyata Saraan Daripada Penggajian kepada staf bagi tujuan penyempurnaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara individu.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Penyata Saraan Daripada Penggajian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 telah tersedia dan boleh dicapai secara dalam talian di portal eFAS (*myAccount - iEC*) yang boleh diakses melalui *Campus Online* **mulai 28 Februari 2022**. YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Kewangan Staf, Jabatan Bendahari di setiap kampus untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini seperti berikut:

| **Kampus** | **Sambungan** |
|---|---|
| Induk | (81) 4134,4130 dan 3833 |
| Kejuruteraan | (81) 6265 |
| Kesihatan | (83) 2108 dan 2135 |

4. Jabatan Bendahari juga ingin memaklumkan bahawa Resit Pengecualian Cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 juga telah disediakan secara dalam talian untuk Sumbangan Covid-19 USM dan Tabung Kebajikan Pesakit Hospital USM yang dibuat secara potongan gaji bulanan dan melalui *eClaim*. Resit ini telah boleh dicetak untuk potongan mulai bulan Januari 2021 sehingga bulan-bulan seterusnya secara dalam talian di portal eFAS (*myAccount – Resit Pengecualian Cukai*) yang turut boleh diakses melalui *Campus Online.*

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KAMARUL ARIFFIN NGAH)**
Bendahari

KAN/ZZ/WMWAR/NMB/SAZ/nbma/dn

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2022**
**PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN TAHUN 2021 SECARA DALAM TALIAN (iEC) DAN RESIT PENGECUALIAN CUKAI**

s.k.: Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Timbalan Naib Canselor
Kelestarian Dan Pembangunan Institusi

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Ombudsman

Pengarah
Pusat Perancangan Institusi dan Strategik

Pengarah
Pembangunan Korporat Strategik

KAN/ZZ/WMWAR/NMB/SAZ/nbma/dn